



إدارة ترقية الإسلام في ماليزيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“SIFAT MALU BENTENG MENCEGAH KEMAKSIATAN”

(24 Februari 2017 / 27 Jamadilawal 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ﴾ سورة البقرة: ٢٧٦
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**SIFAT MALU BENTENG MENCEGAH KEMAKSIATAN**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa sifat malu memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada manusia terutama dalam membentengi diri daripada terjerumus ke lembah kemaksiatan. Namun, sejak kebelakangan ini sifat terpuji tersebut sudah mula ditinggalkan oleh

segelintir masyarakat kerana beranggapan bahawa maksiat yang dilakukan secara tersorok tidak diketahui oleh sesiapa pun. Lebih-lebih lagi sekiranya maksiat yang dilakukan dianggap dosa peribadi yang tidak perlu dipertikaikan oleh orang lain. Saat ini, mereka seolah-olah terlupa bahawa setiap amal mereka dicatat dan dirakam oleh malaikat yang diutus oleh Allah SWT.

Ibnul Qayyim menukulkan bahawa tahap malu seseorang itu berkait rapat dengan keadaan hati mereka. Tatkala sifat malu seseorang itu sangat rendah, ia menunjukkan yang hati dan rohnya telah mati. Sebaliknya, sifat malu yang tinggi menunjukkan keadaan hati mereka menjadi hidup malah mampu membenteng diri daripada melakukan kemurkaan Allah SWT.

Dalam hal ini, hati yang hidup adalah bersangkutan-paut dengan adanya sifat **malu kepada Allah SWT** dan **malu kepada manusia**. Menurut Imam Tirmizi bahawa Abdullah Ibnu Mas'ud r.a berkata, Rasulullah SAW telah bersabda yang mafhumnya:

“Hendaklah kamu benar-benar merasa malu kepada Allah SWT. Jawab para sahabat, “Kami sudah merasa malu, Ya Rasulullah. Jelas baginda, “Bukan itu maksudnya. Sesiapa yang benar-benar merasa malu kepada Allah SWT, maka dia perlu menjaga kepala dan isinya, menjaga perut dan isinya serta selalu mengingati mati. Sesungguhnya orang yang mencintai akhirat pasti akan meninggalkan keindahan dunia. Sesiapa yang melakukan ini bererti dia benar-benar merasa malu kepada Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Para ulama bersepakat mengatakan bahawa sifat malu itu adalah sebaik-baik sifat yang harus dimiliki oleh manusia yang waras fikirannya dan lurus perjalanannya. Manusia belum dikira sempurna akhlaknya selagi belum bersifat dengan sifat **malu**. Firman Allah SWT dalam Surah Al Mulk ayat 12:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang yang takutkan Tuhannya semasa tidak kelihatan, bagi mereka keampunan dan pahala yang besar.*”

Dengan kata lain, mereka yang merasa malu kepada Allah SWT akan bertindak menjauhi segala larangan-Nya dalam semua keadaan sama ada dilihat mahupun tidak. Yang paling nyata, pelaksanaan sifat malu itu ialah ibadah yang buahnya daripada *ma'rifatullâh* (menenal Allah) yang terzahir akibat hampirnya seseorang dengan Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain itu, kita juga perlu merasa malu kepada manusia. Dengan ini diharapkan sifat malu tersebut dapat mencegah kita dari perbuatan yang tidak selayaknya kita lakukan seperti menyebarkan fitnah, menjadi batu api dan segala maksiat yang lain. Sebaliknya, mereka yang tiada sifat malu akan menyebabkan benteng dirinya runtuh dan sukar menghalangnya daripada melakukan maksiat.

Termasuk dalam perbuatan maksiat ini ialah perbuatan riba' yang terus berkembang kerana sikap segelintir manusia yang suka mengejar keuntungan dunia tanpa ada belas kasihan kepada orang lain. Dalam Islam, memungut riba atau mendapatkan keuntungan berupa riba pinjaman adalah haram. Riba, menyebabkan cahaya sifat malu menjadi malap dan akhirnya terpadam dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 278:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ﴾

Maksudnya: “*Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut), jika benar kamu orang yang beriman.*”

Apa yang menyedihkan, masih ada segelintir masyarakat yang menganggap riba itu sama sahaja dengan jual beli. Mereka seolah-olah tidak memahami hakikat riba' yang sebenar dan akhirnya tersesat akibat tidak ada rasa ingin tahu hukum syarak dalam soal perniagaan. Bahkan ada pula yang sengaja tidak mahu ambil tahu atau pura-pura tidak tahu dan tidak mahu bertanya kepada para ulama kerana menganggapnya akan menyusahkan dirinya sendiri. Imam Al Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَا أَيُّهَا عَلَى
النَّاسِ زَمَانٌ لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ أَمِنَ الْحَلَالَ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ

Mafhumnya: “Daripada Abi Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda: Akan datang kepada manusia suatu masa di mana seseorang tidak lagi peduli dengan cara apa ia mengambil harta, apakah cara itu halal atau haram”.

Ada pula yang menganggap rasuah itu sebagai jalan mudah untuk mengecap kekayaan dunia sehingga bukan sahaja melakukan dosa malah menjejaskan reputasi umat Islam. At-Tabrani meriwayatkan:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ

Mafhumnya: “Daripada Ibnu Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda: Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka”. (HR at-Tabrani)

Angkara perbuatan ini, tercabutlah sedikit demi sedikit sifat malu dari dalam diri seseorang. Ibn Qayyim pernah menegaskan bahawa sifat malu adalah sifat yang khusus bagi kemanusiaan, maka orang yang tidak memiliki rasa malu bererti tidak ada bagi dirinya sifat kemanusiaan. Kesannya, tetamu tidak akan dihormati, janji tidak ditepati, amanah tidak ditunaikan dan keperluan seseorang tidak akan dipenuhi.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dengan ini diharapkan, agar sifat malu yang terpuji mampu mencegah seseorang daripada perbuatan maksiat dan mendorong ke arah pelbagai kebaikan. Sebagai seorang yang beriman, kita tidak perlu malu untuk mengucapkan kalimah yang baik dan bertanya sesuatu yang tidak difahami dalam urusan agama. Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Sifat malu adalah adalah sebahagian daripada indikator kesempurnaan iman seorang muslim.

Kedua: Amalan riba' akan memusnahkan nilai kemanusiaan dan mengakibatkan berlakunya penindasan dan kezaliman.

Ketiga: Pengharaman riba' adalah satu usaha untuk memperbaiki akhlak manusia secara adil bukan penghalang kepada kemajuan kegiatan ekonomi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿۱﴾ إِنَّ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي آيَاتِنَا لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَا أَفَمَنْ يُلْقَى فِي النَّارِ خَيْرًا مِّنْ يَأْتِيهِ آمِنًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿۲﴾

Maksudnya: “Sebenarnya orang yang menyeleweng dari jalan yang benar mengenai ayat-ayat Kami, tidak terselindung dari Kami. Maka adakah orang yang dihumbankan ke dalam Neraka lebih baik, atau orang yang datang dalam keadaan aman pada hari kiamat? Buatlah apa yang kamu suka, sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan” (Surah Fussilat: 40)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِفْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِزْعَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَدَّرَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحِدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:
 كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دفرتوان اکو غ سلطان محمد کلیمَا
 وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ
 مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ
 لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ
 بِلَادِنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّفْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
 ﴿ رَبَّنَا إِنَّا أَلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
 يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.